UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# Pusat Pengajian Asasi




eISSN 2811-4272
9 772811 427000

# AsCent
# 2023

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Universiti Malaysia Kelantan
17600 Jeli
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-9477206



Hak Cipta
UMK, 2024

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor UMK.

**Judul Buku : ASCENT**
**No. eISSN : 2811-4272**

Diterbitkan oleh :

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporateumk.edu.my

Disediakan oleh :

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Universiti Malaysia Kelantan
17600 Jeli
Kelantan Darul Naim

No. Tel : 09-9477206
Emel : ascent@umk.edu.my
Website : ascent.umk.edu.my



# KANDUNGAN


## 01 KATA ALU ALUAN PENGARAH

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD

## 02 JPSU DALAM KENANGAN

PENGENALAN JPSU
PENCAPAIAN JPSU
KETERLIHATAN JPSU

## 03 PENJENAMAAN UMK-Ascent

VISI, MISI & OBJEKTIF
CARTA ORGANISASI
JAWATANKUASA UMK-ASCENT
SUMBER MANUSIA

## 04 AKADEMIK & PEMBANGUNAN PELAJAR

POPULARITI PROGRAM AKADEMIK 2021 - 2023
PENDAFTARAN PELAJAR 2021 - 2023
LAPORAN TAMAT PENGAJIAN PELAJAR 2021 - 2023
LAPORAN PENAWARAN PROGRAM
PROGRAM & AKTIVITI 2021 - 2023

## 05 INOVASI & PENERBITAN

PERTANDINGAN INOVASI
PENERBITAN MODUL/BUKU

## 06 LAPORAN PENJANAAN PENDAPATAN

## 07 PEMBANGUNAN FIZIKAL & SUMBER MANUSIA DALAM PERANCANGAN

PEMBANGUNAN FIZIKAL
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

## 08 SEKALUNG PENGHARGAAN

## 09 SIDANG EDITORIAL





# 01

# KATA ALU ALUAN PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualikum warahmatullahiwabarakatuh. Salam Sejahtera dan salam Malaysia Madani buat semua. Syukur kehadrat ilahi buat pertama kalinya laporan tahunan Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) dapat diterbitkan pada tahun 2023.

Edisi pertama ini istimewa kerana ianya menceritakan tentang permulaan perjalanan UMK-AsCent yang dinaik taraf melalui pengoperasian Jabatan Persediaan Sains Universiti Malaysia Kelantan (JPSU) dari 5 Ogos 2020 hingga 10 April 2023. Berdasarkan kejayaan pengoperasian JPSU inilah maka UMK-AsCent tertubuh pada 11 April 2023 bagi memberi ruang perkembangan penawaran program akademik lepasan SPM di UMK. Perkembangan ini penting untuk menyokong kelestarian perancangan akademik dan seterusnya menangani isu kuantiti dan kualiti pelajar prasiswazah disamping menyepadukan bidang keusahawanan dengan semua bidang pengajian di UMK. Adalah tidak wajar jika perancangan ini tidak mencapai matlamat dan sasaran disebabkan bilangan serta kualiti pelajar yang diharapkan tidak mencukupi.

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD
Pengarah
Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)



# KATA ALU ALUAN PENGARAH

Oleh itu, Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) diharapkan akan menyediakan bilangan pelajar mencukupi yang diperlukan untuk semua program prasiswazah di UMK melalui konsep "feeder". UMK-AsCent bukan bertujuan menafikan pengambilan pelajar dengan kelulusan STPM/Matrikulasi/Diploma dan setaraf, tetapi melengkapi kekurangan yang ada dalam pengambilan pelajar ke UMK.

Penubuhan UMK-AsCent juga bertujuan untuk memastikan pelajar yang diterima masuk adalah dalam kalangan yang bermutu tinggi dari segi pencapaian akademik yang akan diberi nilai tambah dengan ilmu keusahawanan supaya lebih bersedia dari segi emosi dan keupayaan berfikir untuk meneruskan pengajian peringkat prasiswazah di UMK. Ini adalah penting sebagai usaha pro-aktif UMK untuk kecemerlangan pendidikan keusahawanan.

"PERJALANAN KEUSAHAWANAN ANDA BERMULA DI SINI!"

"

DR. HJH. MARINAH BINTI MUHAMMAD
Pengarah
Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)

"

# 02 JPSU DALAM KENANGAN




Kejayaan Jabatan Persediaan Sains Universiti Malaysia Kelantan (JPSU) dalam menguruskan penawaran dua program akademik peringkat persediaan telah meyakinkan pihak pengurusan Universiti untuk mewujudkan Pusat Pengajiaan Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) yang akan berdiri sendiri dengan keupayaan kewangan yang dijana melalui yuran pengajian. Dari awal penubuhan, JPSU diletakkan sementara di bawah pentadbiran Fakulti Sains Bumi sebelum dijadikan sebagai satu pusat tanggungjawab (PTj) baharu. Pentadbir akademik bagi JPSU juga adalah terdiri daripada staf akademik dari Fakulti Sains Bumi. Pada tahun 2020, ketua jabatan dan penyelaras program Pra-Ijazah Sains telah dilantik dan diikuti pelantikan penyelaras program Asasi Sains pada tahun 2021 dan juga pertambahan bilangan staf akademik yang dipinjamkan dari FSB juga berlaku pada tahun yang sama menjadikan kekuatan staf akademik di JPSU pada tahun 2021 adalah seramai enam orang.



Dengan kekuatan enam orang staf akademik ini, JPSU berjaya menguruskan ambilan semasa bagi sesi akademik 2021/2022 yang seramai 120 orang pelajar iaitu 23 orang dari program Pra-Ijazah Sains dan 97 orang daripada program Asasi Sains. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua program ini pula dibantu oleh pensyarah sedia ada di lima buah fakulti iaitu Fakulti Sains Bumi, Fakulti Industri Asas Tani, Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan dan Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan secara guna sama. Begitu juga dengan staf pengurusan makmal, diguna secara guna sama daripada tiga fakulti yang ada di UMK Kampus Jeli.

Pada Februari 2022, staf pentadbiran mula direkrut melalui skim pekerja sambilan harian (PSH) apabila unjuran pelajar program Asasi Sains telah ditambah dua kali ganda daripada tahun sebelumnya. Pertambahan unjuran ini dilakukan kerana kejayaan JPSU menjenamakan program Asasi Sains sebagai program asasi pilihan pertama paling popular dan tempat kesepuluh daripada 504 program akademik untuk lepasan SPM yang ditawarkan oleh Universiti Awam di seluruh Malaysia, apabila buat pertama kalinya disenaraikan dalam UPU pada tahun 2021.




# PENGENALAN JPSU

Bagi tahun 2022 pula, program Asasi Sains UMK masih lagi kekal di tangga tiga teratas untuk program asasi pilihan pertama paling popular yang ditawarkan oleh Universiti Awam di seluruh Malaysia. Promosi dan pemasaran memainkan peranan penting dalam mengekalkan populariti sesuatu program pengajian, namun tidak dinafikan Asasi Sains UMK mempunyai struktur kurikulum yang berbeza dan menarik jika dibandingkan dengan asasi sains daripada Universiti Awam yang lain.

Selain itu JPSU juga telah berjaya melakukan penawaran sebanyak dua kali setahun untuk program Pra-Ijazah Sains melalui kerjasama dengan BKPA-KPT. Sehingga kini, JPSU mempunyai alumni seramai 202 yang sedang menyambung pengajiaan peringkat prasiswazah UMK manakala pelajar aktif tahun semasa pula adalah seramai 258 dengan kekuatan staf seramai lapan terdiri daripada enam orang staf akademik dan dua orang staf pentadbiran (PSH). Struktur organisasi JPSU di Fakulti Sains Bumi adalah sepertimana berikut:





# JPSU DALAM KENANGAN

Sepanjang pengoperasian JPSU bermula daripada 5 Ogos 2020 sehingga 10 April 2023, sebanyak empat pengambilan pelajar telah dijalankan untuk program Pra-Ijazah Sains, manakala bagi program Asasi Sains pula telah berlaku pengambilan sebanyak 2 kali iaitu sesi 2021/2022 dan 2022/2023. Jumlah pengambilan pelajar untuk tempoh yang dinyatakan bagi kedua-dua program pengajian ini adalah seperti yang dinyatakan pada graf di bawah:




Berdasarkan pengalaman dan jumlah ambilan pelajar sepanjang pengoperasian JPSU inilah, UMK-AsCent mensasarkan bilangan unjuran bagi semua program yang ditawarkan sama ada yang sedia ada dan yang baharu.

# PENCAPAIAN JPSU



## PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

JPSU telah membangunkan dua buku peraturan akademik iaitu **Buku Peraturan Akademik Pra-Ijazah Sains** dan **Buku Peraturan Akademik Asasi Sains** yang telah digunapakai dalam penawaran kedua-dua program ini selepas kelulusan Senat Bilangan 7/2020 (kali ke-130) pada 26 Oktober 2020 (Pra-Ijazah Sains)dan kelulusan Senat BIlangan 4/2021 (kali ke-135) pada 5 Mei 2021 (Asasi Sains).

Penambahbaikan Buku Peraturan Akademik Pra-Ijazah Sains telah dibuat selepas tiga kali penawaran program ini. Buku Peraturan Akademik Pra-Ijazah Sains Edisi kedua telah digunapakai selepas mendapat kelulusan Senat pada 20 Jun 2022. Buku Peraturan Akademik Asasi Sains juga akan melalui proses penambahbaikan dalam masa terdekat dan akan ditukar nama kepada Buku Peraturan Akademik Asasi bagi membolehkan ianya tersedia untuk digunapakai bagi semua program Asasi yang ditawarkan di UMK.



# Pembangunan Modul Pengajaran JPSU melalui program OBOS

Melalui Program One Book One Subject (OBOS) yang dianjurkan oleh Penerbit UMK bersama Pejabat TNCA pada 18 Oktober 2021, JPSU merancang akan menerbitkan buku teks untuk semua kursus dalam program Asasi Sains dan Pra-Ijazah Sains. Sejumlah **15** buah buku teks dijangka akan lengkap diterbitkan pada Feb 2024. Pada tahun 2022, **empat** buah buku telah diterbitkan dan **tiga** bakal diterbitkan pada Februari 2023.















# Penubuhan Pusat Peperiksaan MUET

**15 NOVEMBER 2022** | Lawatan tapak dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) bersama JPSU ke PPI Kampus Jeli bagi membuka Pusat Peperiksaan MUET bakal di UMK Kampus Jeli.

**10 JANUARI 2023** | Pendaftaran pelajar ditutup dan proses penempatan pusat peperiksaan MUET di UMK Kampus Jeli akan dimulakan.

# Integrasi Sistem Pengurusan Akademik JPSU dengan Sistem Pengurusan Akademik UMK

**Fasa 1 selesai dengan menggunakan sistem sedia ada di UMK.**

https://eduhub.umk.edu.my/EduHubPortal/ (Permohonan Pra-Ijazah)

https://capsule.umk.edu.my/ (Pendaftaran/Penjadualan/Tarik Diri/ Peperiksaan Akhir/Pensijilan)

https://ecampus.umk.edu.my/my/ (Pengajaran & Pembelajaran/ Penilaian Pensyarah oleh Pelajar)

https://portal.umk.edu.my/ (Kehadiran/Pemarkahan)

**Fasa 2 masih lagi manual - perancangan 2023.**





# PENCAPAIAN JPSU

## PENUBUHAN TABUNG AMANAH JPS

Kelestarian kewangan adalah salah satu faktor kejayaan kritikal bagi membolehkan JPSU dinaik taraf menjadi pusat tanggung jawab baharu di UMK. Sejak daripada pengoperasian sebagai sebuah jabatan lagi usaha untuk menubuhkan Tabung Amanah sendiri telah dijalankan. Melaui JPU Bil 12/2021 (Kali ke 240) pada 22 Ogos 2021, kertas kerja penubuhan Tabung Amanah JPS telah diluluskan dengan pengoperasiannya menggunakan yuran pelajar bermula Ogos 2021 hingga Jun 2023. Selepas kelulusan naik taraf JPSU kepada UMK-AsCent diperolehi daripada KPT pada 12 April 2023, pengoperasian UMK-AsCent juga masih kekal menggunakan yuran pelajar bermula Julai 2023 hingga Jun 2028 yang diperolehi melaui kelulusan Kertas Kerja Pengoperasian UMK-AsCent di mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 9/2023 (Kali Ke-274) yang diadakan pada 8 Mei 2023. Nama Tabung Amanah JPS juga telah dipohon untuk ditukarkan kepada Tabung UMK-AsCent beserta ahli ikatan Amanah yang telah berubah. Graf di bawah menunjukkan rekod penjanaan pendapatan di JPSU bermula 2020 hingga 2022. Bagi tahun 2020 dan 2021 pendapatan JPSU tidak digunakan kerana pada masa ini perbelanjaan JPSU adalah dibawah peruntukan mengurus Fakulti Sains Bumi dan beban pengajaran adalah melalui guna sama staf sedia ada di UMK sepenuhnya. Pebelanjaan pengoperasian JPSU menggunakan Tabung Amanah adalah bermula pada Februari 2022.





# PENCAPAIAN JPSU

## Pengekalan Populariti Program Asasi Sains




**POPULARITI ASASI SAINS UMK 2021/2022**

| KESELURUHAN PERMOHONAN | PILIHAN PERTAMA |
|---|---|
| 16 359 | 2 941 |
| KESELURUHAN<br>504 - 505 PROGRAM DITAWARKAN | ANTARA ASASI<br>YANG DITAWARKAN OLEH UA |
| #10 /445 | #1 /44 |

**POPULARITI ASASI SAINS UMK 2022/2023**

| KESELURUHAN PERMOHONAN | PILIHAN PERTAMA |
|---|---|
| 15 780 | 2 119 |
| KESELURUHAN<br>504 - 505 PROGRAM DITAWARKAN | ANTARA ASASI<br>YANG DITAWARKAN OLEH UA |
| #15 /501 | #3 /43 |

## Penawaran Program Pra-Ijazah Sains 2 kali setahun

Kerjasama dengan Bahagian Kemasukan dan Pengambilan Pelajar IPTA (BKPA - KPT) membolehkan data pemohon UPU lepasan STPM sains tercicir kami perolehi dan seterusnya membuat penawaran semester intensif Februari bermula pada tahun 2022.

Pihak BKPA-KPT sangat berterima kasih dengan UMK melalui mesyuarat panduan dan dasar kemasukkan pelajar lepasan SPM dan STPM atas inisiatif ini kerana isu keciciran pelajar merupakan satu isu yang sentiasa dibincangkan di peringkat kementerian.




# KETERLIHATAN JPSU







SHARING
SOCIAL
MEDIA
NETWORK


2017 – 2022
COMING SOON
GENERASI JPSU
Pelancaran Video Rasmi Jabatan Persediaan Sains UMK 2022
6 Mac 2022 (Ahad)


Video
Home
Live
Reels
Shows
Explore
Saved Videos
Following
Search videos
Live OfficialUMK
UMKtv
Welcome
UMK
UNIVERSITI MALAYSIA KELA
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Che Omar
Pengasas Program Asasi Sains UMK
kalau orang Kelantan kata
0:13 / 5:19
ROAD TO UMK 2021 : SIRI (12) BERSAMA JABATAN PERSEDIAAN SAINS
"Kami UMK-AsCent" Video kali ini yang berjudul "Kami UMK-AsCent" adalah kesinambungan daripada video pertama "JPSU" dan video kedua "Generasi...
Like
Comment
Share
12 · 1 comment · 305 views
Pusat Pengajian Asasi UMK-AsCent
Pusat Pengajian Asasi UMK-AsCent
Page · Education
#PusatPengajianAsasiUMK #AsasiSainsUMK #AsasiITHuffaz #PraljazahSainsUMK #UMKAsCent #KeluargaUMK
ascent.umk.edu.my
820 Followers
Promote
Manage
#PusatPengajianAsasiUMK #UMKAsCent #asasisainsumk #praijazahsainsumk
See less
Author
Pusat Pengajian Asasi UMK-AsCent
@followers
10w
Like
Reply
Write a comment...

# 03 PENJENAMAAN UMK-ASCENT

## Penubuhan Pusat Pengajian Asasi (UMK-ASCENT)

- Gerak kerja selama 7 bulan telah berjaya menaik tarafkan Jabatan Persediaan Sains UMK (JPSU) kepada Pusat Pengajian Asasi, Universiti Malaysia Kelantan (UMK-ASCENT)

  - Kelulusan Senat – **17 Mei 2022**
  - Kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti – **19 Jun 2022**
  - Kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan – **8 Sept 2022**
  - Kelulusan Lembaga Pengarah Universiti – **15 Dis 2022**
  - Kelulusan JKPT – **11 April 2023**






Setelah pengoperasian UMK-AsCent telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 9/2023 (Kali Ke-274) yang diadakan pada 8 Mei 2023, maka perkara pertama yang perlu dilakukan ialah menjenamakan UMK-AsCent kepada orang ramai. Selain daripada hebahan secara rasmi melalui surat dan email, penjenamaan UMK-AsCent juga telah dilakukan secara besar-besaran melalui website rasmi dan juga semua saluran media sosial kami. Laman Web rasmi kami telah dapat disiapkan dalam masa sebulan dari tarikh kelulusan pengoperasian UMK-AsCent dan telah dapat dilayari sepenuhnya bermula 2 Ogos 2023 di https://ascent.umk.edu.my/. Lima saluran media kami iaitu Facebook, Instagram, Twiter, TikTok dan YouTube juga telah dijenamakan semula daripada Jabatan Persedian Sains UMK kepada Pusat Pengajian Asasi UMK-AsCent. Poster hebahan memperkenalkan warga UMK-AsCent juga telah dibangunkan termasuklah video terbaharu yang berjudul "Kami UMK-AsCent" juga telah berjaya dilancarkan pada 22 Oktober 2023 di semua saluran media sosial rasmi UMK-AsCent.







UILD
B
RAND


TikTok
Search
Upload
Log in
For You
Following
Explore New
LIVE
Profile
Log in to follow creators, like videos, and view comments.
Log in
Create effects
About Newsroom Contact Careers
TikTok for Good Advertise
TikTok LIVE Creator Networks
umk_ascent
Pusat Pengajian Asasi UMK
Follow
150 Following 482 Followers 4128 Likes
Tiktok Rasmi Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Videos
Liked
Pinned
Dendang Perantau
1770
Pinned
Selamat datang Ke UMK-AsCent
5569
430
FUN TALK IN CHEMISTRY
966
Dendang Perantau ...
Selamat datang kami uca...
JENIS-JENIS ADAPTASI
EDCs


Halaman · Pendidikan
Pusat Pengajian Asasi, Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Jeli)
09-947 7206
ascent@umk.edu.my
ascent.umk.edu.my
Promosikan Laman Web
Buka sekarang
Belum dinilai lagi (0 Ulasan)
Gambar
Lihat Semua Foto
Pusat Pengajian Asasi UMK-AsCent
22 Oktober
"Kami UMK-AsCent"
Video kali ini yang berjudul "Kami UMK-AsCent" adalah kesinambungan daripada video pertama "JPSU" dan video kedua "Generasi JPSU".
Kali ini kami tampilkan warga UMK-AsCent yang terdiri daripada mereka yang setia bersama dalam perjalanan susah dan senang di JPSU sehingga terbentuknya UMK-AsCent.
Kami tidak ramai tetapi semangat kami hanya langit yang menjadi sempadan, dan kami sangat bertuah kerana sentiasa mendapat sokongan dan bantuan daripada kalangan #KeluargaUMK.
Terimalah video "Kami UMK-AsCent" untuk tontonan semua.
"Perjalanan Keusahawanan Anda Bermula di Sini!"
#PusatPengajianAsasiUMK #UMKAsCent
#asasisainsumk #praijazahsainsumk #asasiteknologimaklumathuffaz
#perjalanankeusahawananandabermuladisini
#KitaBinaLegasiUMKBersama #KeluargaUMK #entrepreneurshipurshipUniversity
#EntrepreneurshipIsOurThrust #MalaysiaMadani
#UPUOnline #LepasanSPM #JomMasukIPT #asasiumk
kini telah dinaik taraf menjadi Pusat Pengajian Asasi
0:43 / 5:19
Galakkan siaran ini untuk mencapai sehingga 745 orang lagi jika anda membelanjakan RM25.
Galakkan Siaran


BRAND


YouTube MY
Search
Home
Shorts
Subscriptions
You
Your channel
History
Your videos
Watch later
Show more
Subscriptions
OfficialUMK
APPLIED CHEMIS...
Browse channels
Explore
Trending
Music
Gaming
News
Sports
SCIENCE ON THE GO
Science On The Go - Official Persediaan Sains UMK
@scienceonthego-officialper9694 · 127 subscribers · 44 videos
More about this channel
Customize channel
Manage videos
Home
Videos
Shorts
Live
Playlists
Community
For You
1:57:26
1:53:07
2:28
Taklimat Lab Safety dan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Part 1)
122 views · 13 days ago
Taklimat Lab Safety dan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan Dengan...
66 views · 13 days ago
Corn Starch and Water Experiment
81 views · 2 years ago
Experiment Rainbow Candy & La
570 views · 2 years ago


instagram.com/umk_ascent/
umk_ascent
Following
Message
231 posts
384 followers
166 following
Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)
Education
#JabatanPersediaanSainsUMK #AsasiSainsUMK #PraIjazahSainsUMK
youtu.be/wxsOZiOul3I
Followed by zulhazmanhamzah, fakultisainsbumi, prah_003 + 2 more
UMK-AsCent
HARI USAH...
PRA-IJAZAH
Merdeka ke-...
ScienceOnT...
Mocha Talk ...
POSTS
REELS
TAGGED
UMK-AsCent
https://ascent.umk.edu.my/



## Visi

Melahirkan pelajar berkualiti dan bersahsiah dengan minda keusahawanan kelas pertama yang menyumbang kepada pemimpim, pemikir dan pencipta masa hadapan negara.

## Misi

- Menyediakan khidmat pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti melalui struktur kurikulum yang mantap bagi melahirkan para pelajar yang kompiten dalam ekosistem keusahawanan di peringkat prasiswazah.
- Menjalankan program pembangunan akademik dan kokurikulum yang berimpak untuk memupuk jati diri dan nilai kemanusiaan yang hebat di kalangan para pelajar.
- Menyediakan khidmat hal ehwal pelajar yang cekap dan efisien agar proses pembangunan pelajar melalui aktiviti dalam dan luar universiti berjalan dengan baik serta kebajikan mereka juga terjaga.

## Objektif

- Melahirkan pelajar yang berkualiti dan mencukupi dengan minda keusahawanan kelas pertama untuk semua bidang akademik bagi menampung keperluan kemasukan ke program ijazah pertama di Universiti Malaysia Kelantan.
- Menyediakan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan asas yang mantap dalam bidang masing-masing di samping menerapkan minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan bagi menjayakan matlamat UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan.
- Membina dan membentuk modal insan yang berakhlak mulia, berilmu, kreatif, berketerampilan, mempunyai jati diri yang tinggi dan mempunyai nilai keusahawanan untuk menjadi pelapis profesional dan pemimpin masa depan negara serta memberi pendedahan awal kepada suasana pembelajaran di UMK.



# CARTA ORGANISASI





# JAWATANKUASA (JK) UMK-AsCent

- JK Pusat
  - JK Pentadbiran Pusat
    - JK Tabung Amanah
    - JK Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
    - JK Jaminan Kualiti dan Akreditasi
    - JK Kesihatan & Keselamatan Pekerja (JKKKP)
  - JK Akademik
    - JK Biasiswa Pendidikan
    - JK Peperiksaan
    - JK Pengurusan Aset, Inventori & Perolehan
  - JK Hal Ehwal Pelajar
    - JK Promosi, Penerbitan & Multimedia
    - JK Inovasi & Keusahawanan
    - JK Inovasi & Keusahawanan



# SUMBER MANUSIA 2020-2023

Pembangunan sumber manusia di JPSU/ UMK-AsCent adalah selari dengan pertambahan bilangan pelajar aktif dari semasa ke semasa yang semakin meningkat dari 28 orang, 120 orang, 313 orang dan 426 orang bermula tahun 2020 hingga 2023. Dari tahun 2020 hingga 2021, JPSU menggunakan staf akademik dan pentadbiran secara guna sama di Fakulti Sains Bumi.

Bermula Februari 2022, JPSU mula merekrut staf pentadbiran seramai dua orang bagi menjalankan tugas N41 dan N19. Staf pentadbiran ini kekal sehingga kini (Disember 2023). Manakala staf akademik juga mula direkrut bermula Ogos 2022 dan keperluan staf akademik semakin bertambah berdasakan keperluan Amanah pengajian yang semakin meningkat.

Terkini UMK-AsCent mempunyai dua staf pentadbiran, enam staf akademik tetap yang dipinjamkan dari  Fakulti Sains Bumi dan lima orang pensyarah sambilan sepenuh masa yang juga turut sama membantu urusan pembangunan akademik pelajar.  Walau bagaimanapun, guna sama staf akademik dan juga pembantu makmal dari fakulti di UMK Kampus Jeli masih tetap dilaksanakan.



# 04 AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

## I. Populariti Program Akademik & Peratus Jaya 2021-2023

### Pra-Ijazah Sains

Pra-Ijazah Sains merupakan program akademik pertama ditawarkan di JPSU sebelum dinaik taraf menjadi UMK-AsCent. Graf di bawah menunjukkan jumlah permohonan, penawaran, setuju terima dan pendaftaran ke program Pra-Ijazah Sains bermula tahun 2020 hingga 2023. Kejayaan program ini dapat dilihat berdasarkan jumlah pelajar yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Penawaran program ini di UMK telah dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar lepasan STPM sains untuk menyambung pengajian di universiti.



# ASASI SAINS

UMK-AsCent ketika masih beroperasi sebagai JPSU telah berjaya memberi penjenamaan kepada program Asasi Sains UMK sebagai program asasi pilihan pertama paling popular dari semua program asasi dan tangga ke 10 daripada 504 program akademik untuk lepasan SPM yang tersenarai di dalam sistem UPUonline dan ditawarkan oleh universiti awam seluruh Malaysia pada sesi ambilan 2021/2022. Bagi sesi ambilan 2022/2023, program Asasi Sains UMK berada di tangga ketiga dari semua program asasi yang ditawarkan oleh Universiti Awam di seluruh Malaysia. Manakala, terbaharu iaitu sesi 2023/2024 jumlah permohonan ke program Asasi Sains UMK sedikit meningkat dari sesi sebelum ini. Data populariti program Asasi Sains UMK yang dilaporkan oleh Bahagian Kemasukan Pejalar IPTA, KPT bagi tiga sesi ambilan ini ditunjukkan pada graf berikut:




Jadual berikut menunjukkan jumlah penawaran, setuju terima, pendaftaran dan tarik diri pemohon UPU ke program Asasi Sains dari sesi 2021/2022 hingga 2023/2024:

| SESI AKADEMIK | MOHON | UNJUR | TAWAR | TERIMA | DAFTAR | TARIK DIRI |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **2021/2022** | 16939 | 200 | 439 | 178 | 130 | 33 |
| **2022/2023** | 15780 | 300 | 1159 | 445 | 267 | 11 |
| **2023/2024** | 15929 | 600 | 2010 | 633 | 354 | 26 |

# ASASI TEKNOLOGI MAKLUMAT HUFFAZ

Program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz mendapat kelulusan penawaran daripada pihak KPT pada 17 Julai 2023. Ini menyebabkan program ini tidak dapat ditawarkan melalui UPU bagi sesi akademik 2023/2024. Walau bagaimanapun program ini telah berjaya ditawarkan melalui saluran luar UPU oleh UMK-AsCent. Proses penawaran untuk sesi 2023/2024 bagi program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz diringkaskan seperti graf di bawah:




Secara keseluruhan UMK-AsCent mendapat 344 permohonan. Daripada jumlah tersebut hanya 84 orang yang layak untuk ditemuduga, namun hanya 34 orang yang hadir temuduga secara atas talian. Kesemua yang hadir temuduga telah ditawarkan untuk mengikuti program ini, namun hanya 21 orang sahaja yang datang mendaftar. Walau bagaimanapun jumlah ini telah melebihi unjuran rasmi program ini untuk kohort pertama iaitu sebanyak 20 tempat.

# II. Pendaftaran Pelajar 2021-2023

## 2021









# 2022 Pendaftaran

















# 2023 Pendaftaran















# III. Laporan Tamat Pengajian Pelajar 2021-2023

Sepanjang penawaran program Pra-Ijazah Sains dan Asasi Sains bermula tahun 2020 sehingga kini 2023, seramai 457 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian. Pecahan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian program Pra-Ijazah Sains dan Asasi Sains mengikut tahun adalah seperti graf berikut:






# IV. Laporan Penawaran Program

Pelajar lepasan Pra-Ijazah Sains dan Asasi Sains diberi tiga pilihan untuk memilih program Ijazah Sarjana Muda. Pemilihan pelajar bagi lepasan Pra-Ijazah Sains dan Asasi Sains diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pelajar Lepasan Pra-Ijazah dan Asasi UMK ke Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda. Berikut merupakan penawaran lepasan Pra-Ijazah dan Asasi mengikut program.

## LEPASAN PRA-IJAZAH SAINS






# LEPASAN PRA-IJAZAH SAINS

PENAWARAN LEPASAN PRA-IJAZAH SAINS SEMESTER INTENSIF FEBRUARI 2022 KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UMK




PENAWARAN LEPASAN PRA-IJAZAH SAINS SEMESTER INTENSIF SEPTEMBER 2022 KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UMK



# LEPASAN ASASI SAINS






# PROGRAM & AKTIVITI

# 2021




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
UPU ONLINE
#KPTPrihatin
TONTON
FACEBOOK LIVE
ROAD 2 UMK : PROGRAM ASASI SAINS
SALURAN FACEBOOK RASMI BKPA
( @KEMASUKAN BPKP JPT )
25 JANUARI 2021 ( ISNIN )
10:00 PAGI
PROF. DR. SITI ZAITON BINTI MOHD HASHIM
DEKAN PRASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ( UMK )
DR. MARINAH BINTI MUHAMMA
KETUA JABATAN PERSEDIAAN SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ( UMK )
kemasukan bpkp jpt @Kemasukanbpkp 03-8870 8200 https://online.mohe.gov.my/upu/maklumbalas/

ROAD TO
UMK
2021
Universiti Malaysia
KELANTAN
PROMOSI
KEMASUKAN
UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN
LIVE
officialUMK
UMKTV
SIRI 12
JABATAN
PERSEDIAAN SAINS
Ada apa dengan
Asasi Sains UMK ?!
23 MAC 2021 (SELASA) 10.00 PAGI
Tetamu Jemputan
PROF. DATO' DR. HJ.
IBRAHIM CHE OMAR
Pengasas
Program Asasi Sains UMK
Penampilan Khas
SCIENCE ON THE GO
CHALLENGE
Moderator/Panel
DR. MARINAH BINTI MUHAMMAD
Ketua Jabatan Persediaan Sains UMK
Dihoskan oleh
DR. MUHAMMAD FIRDAUS
BIN ABDUL KARIM
Penyelaras Program Asasi Sains UMK
SMKA LATI
PASIR MAS
SMK SI
KOTA BHARU
*Permohonan Terbuka kepada Calon Lepasan SPM
Program dengan kerjasama:
NATIONAL
STEM
ASSOCIATION
FISE

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
Mari blako pakat jupo kot maya!
LIVE
STREAM
OfficialUMK
UMKTV
Jom Masuk UMK
2021
ROAD2UMK:
ASASI UMK
PANEL 1
PROF. DR. SITI ZAITON BT. MOHD HASHIM
DEKAN PRASISWAZAH
PANEL 2
DR. MARINAH BINTI MUHAMMAD
KETUA JABATAN PERSEDIAAN SAINS
SERTAI KAMI
SIRI KHAS LEPASAN SPM
18 JUN 2021
JUMAAT
11.30 PAGI - 12.30 TENGAHARI
MODERATOR
DR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN ABDUL KARIM
PENYELARAS PROGRAM ASASI SAINS UMK
kemasukan bpkp jpt @Kemasukanbpka 03-8870 8200 http://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/
JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ENTREPRENEURSHIP is our thrust
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

Selamat
Datang Ke
UMK

SESI
PERKONGSIAN
di KELANTANfm
KELANTANfm
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
28 MAC 2021 (AHAD)
Masa : 9.30 pg. - 10.00 pg.
DR. MARINAH
BT. MUHAMMAD
Ketua Jabatan
Persediaan Sains, UMK
PROF. DR. SITI ZAITON
BT. MOHD HASHIM
Dekan Prasiswazah, UMK
OfficialUMK
umk.edu.my
Entrepreneurship
is Our Thrust
Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama
#OneUMKOneDream
#WeAreUMKFamily


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
LIVE
FAKULTI SAINS BUMI UMK- RASMI
PERSEDIAAN SAINS UMK-OFFICIAL
Majlis Pensijilan
PRA IJAZAH SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
SESI AKADEMIK 2020/2021
22 APRIL 2021(KHAMIS) | 10:00 PAGI
DIRASMIKAN OLEH :
PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB,
TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK & ANTARABANGSA
Entrepreneurship Our Thrust
#BinaLegasiUMK
#OneUMKOneDream
#WeAreUMKFamily
OfficialUMK
umk.edu.my


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN INVITES YOU TO
PROGRAM JIWA MERDEKA
ANJURAN SISWA/I PROGRAM ASASI SAINS, FAKULTI SAINS BUMI
" MALAYSIA PRIHATIN "
31 OGOS 2021 (RABU)
YOUTUBE SCIENCE ON THE GO - OFFICIAL PERSEDIAAN SAINS UMK
8 AM - 1 PM


NATIONAL STEM ASSOCIATION chapter KELANTAN
Universiti Malaysia KELANTAN
STUDIO USTP PPD KOTA BHARU
webinar
FUN LEARNING with BIOLOGY
27 SEPTEMBER 2021 (MONDAY)
2:00 P.M. - 5:00 P.M.
USTP PPD KOTA BHARU
(Link: https://youtu.be/gpjKkax-d-o )
Officiated by:
MOHAMED BIN JUSOH
Timbalan Sektor Pembelajaran,
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, Kelantan
Moderator:
Marhainis Jamaludin
UiTM Kelantan
Speakers:
"Biologi Haiwan & STEM"
Dr. Aainaa Syazwani bt. Mohamad Amir Hamzah
(Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan)
"Biologi dalam Keseimbangan"
Muse Al Ghazali Bin Omar
MRSM Muadzam Shah
"Tumbuhan & Teknologi"
Dr. Suhana binti Zakaria
(Fakulti Industri Asas Tani, Universiti Malaysia Kelantan)



# PROGRAM & AKTIVITI 2022

# PEMBANGUNAN AKADEMIK PELAJAR

- ❑ Asasi Innovators Day with Community
- ❑ Live Lecture – Emeritus Prof@ASASI
- ❑ Hari Keusahawanan Asasi – 2 Siri
- ❑ My Academic Journey@UMK
- ❑ Mind Your Language
- ❑ MUET Workshop Tips & Trick
- ❑ Aktiviti Inter Asasi Malaysia

(PIITRAM, DEBAT, FANTASI, SUKAN ASASI)



























UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
LIVE LECTURE : EMERITUS PROF@ASASI
BIOTECHNOLOGY
And
BIOBUSINESSES
6 MARCH 2022 (SUNDAY)
10.00 AM
LIVE
STREAM
OfficialUMK
Fakulti Sains Bumi-Rasmi
With
YBhg. Prof. Emeritus Dato'
Dr. Ibrahim Che Omar






UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
PROGRAM
ASASI@VET UMK
LIVE
STREAM
OfficialUMK
17 MEI 2022 (SELASA)
10.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
FAKULTI PERUBATAN
VETERINAR
UMK KAMPUS KOTA
Anjuran :
Jabatan Persediaan Sains UMK
& Fakulti Perubatan Veterinar, UMK




JABATAN PERSEDIAAN SAINS UMK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BENGKEL
ONE BOOK
ONE SUBJECT
BERSAMA
PENERBIT UMK
PENCERAMAH JEMPUTAN
EN. HASRI BIN HASSAN
PENGASAS BOOKONOMICS ASIA
TARIKH : 18 MEI 2022
MASA : 10.00 PAGI-4.30 PETANG
TEMPAT: BILIK KULIAH 1, BANGUNAN FSB


ON AIR
CINEMA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PERTANDINGAN
VIDEO JPSU
Pertandingan terbuka kepada pelajar semasa & alumni :
Pra-Ijazah Sains UMK
Asasi Sains UMK
Tarikh: 15 Jun -15 Julai 2022
Durasi: <3 minit
Sijil Penyertaan adalah disediakan
Muat naik video di akaun media sosial anda
Gunakan tanda pagar di dalam video:
#JabatanPersediaanSainsUMK #JPSUAwesome #PraIjazahSainsUMK
#AsasiSainsUMK #WeAreUMKFamily
SCAN ME


UNIVERSITI MALAYSIA KELA
KAMPUS JELI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
HARI KEUSAHAWANAN
ASASI SAINS
UMK KAMPUS JELI
1/11/2022 DEWAN UTAMA UMK KAMPUS JELI


ASASI SAINS UMK
FESTIVAL HARI
KEUSAHAWANAN 2022
PELBAGAI JUALAN DISEDIAKAN DAN TERBUKA
UNTUK SELURUH WARGA UMK JELI !!
TARIKH
01 NOVEMBER 2022
09 AM- 05 PM
Lebih 100 Aneka Jualan | Booth permainan |Cabutan Bertuah | Pertandingan Menyanyi
TEMPAT
DEWAN UTAMA
Universiti Malaysia Kelantan Jeli
STREET FOOD
Menu
Sebarang pertanyaan boleh hubungi :
•Nurina - (01155057387)
•Hajar - (0137210016)
•Dhia - (0182998614)

# PROGRAM & AKTIVITI

# 2023



## PRA-PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI (PRA-PIITRAM 2023) JPSU; 31 Januari 2023




## PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM; 10-12 Februari 2023






## PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI (PIITRAM2023); 17-18 Februari 2023










## BENGKEL MUET: *TIPS AND TRICKS* ASAS I UMK SESI AKADEMIK II 2022/2023; 25 Februari 2023 & 1 April 2023



## PERTANDINGAN FESTIVAL PANTUN INTER-ASASI (FANTASI); 3-5 Mac 2023








## SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) KE-5 2023; 17-19 MAC 2023



## *YOUTH INNOVATOR COMMUNITY NETWORK (ICoN) 2023;* 13 April 2023








## *MyFutureAcademicJourney@UMK;* 20 Mac - 15 April 2023












# MINGGU BAHASA ASASI SAINS (BAHAS 1.0); 2-9 Mei 2023








# UMK@SCHOOL: ROAD2UMK; 31 Julai 2023







Tahniah & Syabas
atas penyertaan
Pasukan Debat Bahasa Inggeris
UMK-AsCent
dalam
PERTANDINGAN DEBAT
DIRAJA ANTARA IPT 2023


KELANTAN
Tahniah & Syabas
atas penyertaan
Pasukan Debat Bahasa Melayu
UMK-AsCent
dalam
PERTANDINGAN DEBAT
DIRAJA ANTARA IPT
2023


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
Sekalung Tahniah!
JUARA
Anuar Qistina Isma
Pertandingan Debat Alam Sekitar
Anjuran Fakulti Sains Bumi (FSB) dan Kelab
Senergi Lestari (SINLEST) UMK
Ikhlas Daripada: Jabatan Persediaan Sains UMK


Universiti Malaysia
KELANTAN
DEBAT ANTARA FAKULTI
JUARA
HANIS
LYSSA
RABIATUL
NAZURAH
UMK - AsCent


Universiti Malaysia
KELANTAN
PUSAT
PENGAJIAN ASASI UMK
SELAMAT MAJU JAYA
PESERTA UMK-AsCent
MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT IPT 2023
7 - 9 SEPTEMBER 2023


JEMPUTAN
Universiti Malaysia
KELANTAN
PUSAT
PENGAJIAN ASASI UMK
PUSAT ISLAM
ISLAMIC CENTRE
SEMARAK
CINTA RASUL
27 RABIUL AWAL 1445H
AKTIVITI:
-CERAMAH
-QIRAAT & TARANNUM
-QASIDAH
-PERARAKAN
PERTANDINGAN:
-POSTER
-SEPANDUK
-KUIZ
13 Oktober 2023
6.30 Pagi-
11.00 Pagi
Masjid UMK Kampus Jeli
"Kepada semua warga UMK yang berkesempatan
dijemput untuk hadir ke majlis ini"

# 05 INOVASI & PENERBITAN

## I. Pertandingan Inovasi 2023

### PRA-PIITRAM 2023










# PIITRAM 2023





# Youth ICoN 2023



# KPS EKOVATIVE CHALLENGE 2023

Kejayaan Pelajar Asasi Sains UMK di KPS Ekovative Challenge 2023 yang telah terpilih sebagai 15 pasukan terbaik daripada keseluruhan penyertaan daripada IPT di seluruh Malaysia. Pertandingan ini dianjurkan oleh KPS Berhad dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi dan SIRIM. Para peserta telah berjaya menerima RM 1000.00 sebagai dana permulaan untuk melaksanakan projek mereka yang bertajuk “ReishiMyc Paper Packaging”. Kami di UMK-AsCent ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar Asasi Sains yang terlibat dalam projek ini. Selamat maju jaya untuk ke peringkat seterusnya dalam KPS Ekovative Challenge 2023 dan akan menjadi contoh kepada yang lain.



# II. Penerbitan Modul/Buku

Penerbitan modul pengajaran dan buku teks merupakan agenda utama dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UMK-AsCent terjamin. Tahniah kepada penulis-penulis yang dilantik kerana telah bertungkus lumus dalam menjayakan dan menyiapkan buku teks melalui "Program One Book One Subject" di bawah JPSU/ UMK-AsCent anjuran bersama Pejabat TNCAA dan Penerbit UMK.

Kewujudan buku teks adalah bahan ilmiah yang sangat penting bagi para pelajar di universiti terutama pada tahap persediaan kerana ianya merupakan fasa peralihan dari pembelajaran dari sekolah ke menara gading serta bakal menjadi bahan rujukan kepada para pelajar.

4 buah buku telah berjaya diterbitkan bagi tahun 2022 iaitu:

1. **'Science Foundation Mathematic 1'**
   Penulis: Dr. Hjh, Marinah Binti Muhammad
2. **'Science Pre-Degree Mathematic'**
   Penulis: Dr. Hjh, Marinah Binti Muhammad
3. **'Science Foundation Biology'**
   Penulis: Dr. Aainaa Syazwani Bt Mohamad Amir Hamzah, Dr. Wong Hie Ling dan Dr. Nurul Irene Hanie
4. **'Adab dan Etika Sosial'**
   Editor: Dr. Asma Lailee Binti Mohd Noor, Dr. Ateerah Binti Abdul Razak @ Mohamed dan Cik Siti Fathihah Binti Abd Latif



3 buah buku akan diterbitkan pada bulan Februari 2023 iaitu:

**1.'Science Foundation Mathematic 2'**
Penulis: Dr. Hjh, Marinah Binti Muhammad, Dr. Siti Aisyah Binti Nawawi dan Encik Muhammad Akmal Mohd Zawawi

**2.'Science Foundation Physic'**
Penulis: Dr. Asanah Binti Radhi

**3. 'Science Pre-Degree Biology'**
Penulis: Dr. Aainaa Syazwani Bt Mohamad Amir Hamzah, Dr. Nor Shahirul Umirah Binti Idris dan Dr. Nurul Irene Hanie

Dijangka 8 buah buku akan diterbit pada tahun 2024. Kesemua 15 buah buku akan berjaya diterbit oleh UMK-AsCent melalui program ini.













# 06 LAPORAN PENJANAAN PENDAPATAN




Penjanaan pendapatan utama bagi JPSU/ UMK-AsCent adalah melalui yuran pengajian bagi semua program akademik yang ditawarkan. Berdasarkan graf kelestarian kewangan Tabung Amanah JPS di atas, jelas menunjukkan penjanaan pendapatan yang meningkat iaitu RM 10,640.00, RM 52,750.00 dan RM 170,040.00 untuk tahun 2020, 2021 dan 2022. Bagi tahun 2023, penjanaan pendapatan Tabung Amanah JPS adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

| PERKARA | PERINCIAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Yuran Pengajian Asasi Sains (RM215/Sem) Semester II Sesi 20222023 | 258 orang x RM215 | 55,470.00 |
| Yuran Pendaftaran Asasi Sains dan IT Huffaz Sesi 20232024 | 373 orang x RM30 | 11,190.00 |
| Yuran Pengajian Asasi Sains (RM500/Sem) Semester I Sesi 20232024 | 353 orang x RM215 | 75,895.00 |
| Yuran Pengajian Asasi IT Huffaz (RM1386/Sem) Semester I Sesi 20232024 | 21 orang x RM 1386 | 29,106.00 |
| Yuran Pengajian Pra-Ijazah Sains (RM350/sem) Sem Intensif September 2023 | 52 orang x RM350 | 18,200.00 |
| Program Youth-ICON 2023 | | 5,190.00 |
| Hari Keusahawanan Asasi Sains 2023 | | 1,375.00 |
| | JUMLAH PENJANAAN PENDAPATAN | 196,426.00 |

Selain daripada itu UMK-AsCent juga komited dalam penerbitan buku teks melalui program One Book One Subject (OBOS). Buku teks ini dijual kepada para pelajar UMK-AsCent yang seterusnya menjana pendapatan kepada UMK melalui Tabung Amanah Penerbit UMK. Jualan buku teks di UMK-AsCent bermula sejak tahun 2022 apabila empat buah buku berjaya diterbitkan pada tahun tersebut. Penjanaan pendapatan melalui jualan buku teks pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 11,780. Bagi tahun 2023, hasil jualan buku di UMK-AsCent semakin meningkat iaitu sebanyak RM 52,379.30. Ini adalah disebabkan oleh penambahan bilangan buku yang berjaya diterbitkan menjadi 7 buah secara keseluruhannya. Hasil jualan buku teks oleh UMK-AsCent bagi tahun 2023 ditunjukkan pada jadual di bawah.

| Judul Buku Teks | Jumlah pcs | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| Science Foundation Mathematics II | 234 | 9,021.60 |
| Science Foundation Mathematics I | 347 | 12,121.30 |
| Science Foundation Basic Physics | 255 | 9,817.50 |
| Science Foundation Biology | 241 | 5,904.50 |
| Etika dan Adab Sosial Asasi | 297 | 11,782.00 |
| Science Pre-Degree Mathematics | 43 | 1,505.00 |
| Science Pre-Degree Biology | 43 | 2,227.40 |
| AKAUN PENERBIT UMK | | **52,379.30** |

# 07 PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN SUMBER MANUSIA DALAM PERANCANGAN

## I. Pembangunan Fizikal

Sejak beroperasi sebagai sebuah Jabatan di Fakulti Sains Bumi (FSB) pada tahun 2020 hingga dinaik taraf sebagai sebuah PTj baharu pada 2023, UMK-AsCent masih berkongsi ruang pejabat dan ruang PdP yang sama dengan staf akademik dan bukan akademik di bangunan FSB. Sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang baharu, keperluan ruang adalah sangat kritikal selaras dengan objektif penubuhannya untuk mempunyai struktur gorvernennya sendiri supaya boleh berkembang dari semasa ke semasa. Sejak tahun 2020 pengambilan pelajar sentiasa meningkat dan penawaran program juga semakin bertambah. Situasi ini menyebabkan keperluan ruang menjadi sangat kritikal bagi UMK-AsCent yang kini beroperasi di Kampus Jeli.

Secara keseluruhan Kampus Jeli mempunyai empat pusat tanggungjawab akademik termasuk UMK-AsCent yang menawarkan sebelas program pengajian peringkat prasiswazah dan tiga program pengajian peringkat persediaan. Ruang PdP bagi penawaran kesemua program pengajiaan ini adalah secara guna sama. Ini memberi kekangan ruang, masa dan menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar. Tambahan pula, kemudahan ruang kuliah, tutorial dan makmal sedia ada bagi ketiga-tiga fakulti adalah sangat terhad bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk pelajar prasiswazah untuk sebelas program pengajian. Walau bagaimanapun keperluan ruang pejabat lebih kritikal berbanding dengan keperluan ruang lain buat masa ini.

Pada 8 Mei 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 9/2023 Kali ke-274 telah meluluskan penggunaan ruang sedia ada iaitu Bangunan JMart untuk diubahsuai menjadi pejabat UMK-AsCent yang menyediakan bilik ketua jabatan, bilik guru, bilik pegawai tadbir, ruang pejabat, bilik fail dan pantri, manakala bilik *BeeHive* di bangunan BAP pula ditukar menjadi bilik Pengarah UMK-AsCent. Bemula 7 Januari 2024, kerja-kerja pembersihan dan ubahsuai ruang telah dijalankan dan dijangka akan siap pada 7 Februari 2024. Walau bagaimanapun, ini merupakan bangunan pengoperasian sementara bagi UMK-AsCent sehingga bangunan baharu di UMK Kampus Bachok tersedia.

## Pelan Cadangan Lantai Pejabat Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent) di Bangunan JMART




## Pelan Cadangan Lantai Bilik Pengarah UMK-AsCent di Bangunan BAP



Gambar kerja-kerja pembersihan dan pengubahsuaian bangunan JMart dan bilik *BeeHive* di bangunan Bilik Aktiviti Pelajar (BAP), UMK Kampus Jeli untuk dijadikan ruang pejabat dan bilik Pengarah UMK-AsCent.



Pertambahan pelajar peringkat persediaan dari UMK-AsCent di UMK Kampus Jeli telah menyebabkan kekangan ruang pengajaran dan pembelajaran di UMK Kampus Jeli yang telah dirasakan bermula tahun 2022 dengan dan semakin terkesan pada tahun 2023. Pertambahan pelajar UMK-AsCent akan sentiasa berlaku selaras dengan pertambahan bilangan penawaran program seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah. Jangkaan unjuran pelajar ini adalah berpandukan corak pertambahan pelajar dari tahun 2020 hingga 2023 dan juga pelan strategik pembangunan program baharu yang akan dipohon kelulusan penawaran daripada KPT. Berdasarkan Jadual unjuran pelajar di bawah ini, jelas menunjukkan pada tahun 2031 UMK-AsCent akan mencapai jumlah pelajar matang iaitu seramai 1500 orang pada setiap sesi pengambilan pelajar. Oleh itu keperluan fizikal baharu untuk UMK-AsCent adalah sangat terdesak untuk menampung bilangan pelajar aktif seramai 1500 orang pada setiap tahun brmula dari tahun 2031.

| Program Pengajian | 2024 | 2025 | 2026 | 2027 | 2028 | 2029 | 2030 | 2031 | 2032 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pra-Ijazah Sains | 70 | 70 | 80 | 80 | 80 | 90 | 100 | 100 | 100 |
| Asasi Sains | 500 | 600 | 600 | 600 | 600 | 600 | 600 | 600 | 600 |
| Asasi Teknologi Maklumat Tahfiz | 30 | 40 | 50 | 60 | 70 | 80 | 90 | 100 | 100 |
| Asasi Sains Sosial | - | 200 | 300 | 400 | 500 | 600 | 600 | 600 | 600 |
| Asasi Seni Reka | - | - | - | 60 | 70 | 80 | 90 | 100 | 100 |
| Jumlah Pelajar | 600 | 910 | 1030 | 1200 | 1320 | 1450 | 1480 | 1500 | 1500 |

Dijangkakan sebelum tahun 2030 UMK-AsCent perlu mempunyai bangunannya sendiri agar perancangan penambahan bilangan pelajar melalui pertambahan bilangan program akademik yang ditawarkan dapat dicapai. Oleh itu tapak bangunan yang mencukupi dan sesuai haruslah dipohon bagi membolehkan Pembangunan fizikal UMK-AsCent dapat direalisaikan. Pusat Pengajiaan Asasi yang telah memeperolehi kelulusan tapak Pembangunan fizikal bahrunya di UMK, Kampus Bachok melalui mesyuarat Jawatankuasa Ruang Universiti, pada 25 Januari 2023. UMK-AsCent juga telah berjaya melengkapkan dan menghantar Dokumen Permohonan Projek Fizikal - Pembinaan Di Bawah Rp5 Tahun 2025 RMKe-12. Ini merupakan cubaan kali kedua UMK-AsCent selepas cubaan pertama di bawah RP4 Tahun 2024 RMKe-12 gagal.


LAMPIRAN A1
KELULUSAN TAPAK UNTUK PEMBANGUNAN PROJEK UMK-AsCent
DALAM RANCANGAN MALAYSIA (RMKE-12) DI UMK BACHOK
PETUNJUK
CADANGAN LOKASI :
PELAN INDUK UMK BACHOK
Keluasan: 779.445 Ekar
Petunjuk:
A Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 3 Ekar Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK)
B Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 3 Ekar Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE)
C Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 4 Ekar Pusat Pengajian Asasi UMK
D Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 2 Ekar Kompleks Pusat Ko-Kurikulum UMK
E Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 2 Ekar Arena Tertutup Mahasiswa
F Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 7 Ekar Depo Kenderaan UMK
G Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 20 Ekar Ladang Pengajaran FPV
H Cadangan Tapak: Keluasan Tapak 3 Ekar Pusat Komputeran dan Informatik (CCI)
PELAN INDUK
12





# II. Pembangunan Sumber Manusia

UMK-AsCent akan terus berkembang melalui pertambahan penawaran program akademik baharu untuk lepasan SPM mengikut pelan strategik yang telah dibangunkan selari dengan objektif penubuhannya. Oleh itu, pembangunan sumber manusia adalah salah satu faktor kejayaan kritikal dalam menjayakan pelan strategik UMK-AsCent untuk terus berkembang dan sangat memerlukan sokongan daripada pengurusan UMK. Keperluan perjawatan 2024-2025 seperti yang tersenarai adalah sangat kritikal bagi UMK-AsCent berdasarkan corak jumlah pengambilan pelajar yang semakin meningkat setiap tahun yang ditunjukkan pada graf berikut:




Keperluan perjawatan ini juga adalah selari dengan perkembangan carta organisasi dari JPSU ke UMK-AsCent yang telah diluluskan melalui Kertas Kerja Kelulusan Pengoperasian UMK-AsCent di mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 9/2023 (Kali Ke-274) yang diadakan pada 8 Mei 2023. Dengan merujuk jumlah unjuran pelajar bagi sesi 2024/2025 di UMK-AsCent keperluan staf akademik dengan skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG41) adalah seramai sembilan orang sebagaimana pengiraan yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

| PROGRAM | SESI 2024/2025 |
|---|---|
| Pra-Ijazah Sains | 70 |
| Asasi Sains | 500 |
| Asasi Teknologi Maklumat Huffaz | 30 |
| Jumlah Pelajar | 600 |
| Jumlah Pensyarah yang dipinjamkan | 6 |
| Ratio Pensyarah dan pelajar semasa | 1:100 |
| Ratio Pensyarah/Guru dan pelajar megikut MQA | 1:30 |
| Jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG41) yang diperlukan | 9 |

Carta Organisasi UMK-AsCent yang diluluskan di mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 9/2023 (Kali Ke-274)




Sehingga kini UMK-AsCent hanya mempunyai dua staf PSH yang membantu dalam urusan pentadbiran. Oleh itu, keperluan staf pentadbiran terutamanya pegawai tadbir (N41) tetap/kontrak adalah sangat kritikal. Pertambahan staf pentadbiran juga perlulah selari dengan pertambahan bilangan pelajar di UMK-AsCent. Keperluan staf pentadbiran bagi tahun 2025 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

| PROGRAM | SESI 2023/2024 |
|---|---|
| Jumlah Pelajar | 600 |
| Penolong Pendaftar (N41) | 1 |
| Penolong Pegawai Tadbir (N29) | 1 |
| Pembantu Tadbir (N19) | 1 |
| Pembantu Makmal (C19) | 1 |
| Jumlah Staf pentadbiran yang diperlukan | 4 |
| Ratio Staf dan pelajar | 1:150 |

# 08

# SEKALUNG PENGHARGAAN

Sidang editorial Laporan Tahunan UMK-AsCent 2023 ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku ini.



# 09

# SIDANG EDITORIAL




Penaung/Penasihat/Ketua Editor : Dr. Hjh. Marinah binti Muhammad
Editor : Dr. Wong Hie Ling
Penolong Editor : Cik Nurul Syahida binti Mohd Nasir
Pereka Grafik : Dr. Wong Hie Ling
Juru Gambar : Semua yang menyumbang



**Pusat Pengajian Asasi**
**Universiti Malaysia Kelantan**
**(UMK-AsCent)**